

**TASĀMUḤ DALAM UNDANG-UNDANG  
JENAYAH ISLAM:  
SATU KAJIAN TERHADAP PERSEPSI  
PELAJAR-PELAJAR BUKAN ISLAM DI  
INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI  
AWAM (IPTA) DI MALAYSIA**

**ZUL-KIFLI BIN HUSSIN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2013**

**TASĀMUḤ DALAM UNDANG-UNDANG  
JENAYAH ISLAM:  
SATU KAJIAN TERHADAP PERSEPSI  
PELAJAR-PELAJAR BUKAN ISLAM DI  
INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI  
AWAM (IPTA) DI MALAYSIA**

**Oleh**

**ZUL-KIFLI BIN HUSSIN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Jun, 2013**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## PENGHARGAAN

Segala puji hanya bagi Allah ﷻ kerana dengan Quدرات dan Iradat-Nya jualah maka saya dapat menyiapkan tesis yang berjudul ***Tasāmuḥ Dalam Undang-Undang Jenayah Islam: Satu Kajian Terhadap Persepsi Pelajar-Pelajar Bukan Islam di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia.***

Penghargaan yang tidak terhingga buat kedua ayahanda Haji Hussin Bin Awang dan bonda Hajah Kalsom Binti Jaafar yang sentiasa berkorban, berdoa, memberi dorongan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi. Penghargaan juga buat isteri tercinta, Shazalmi Binti Saad dan kakak, Zaharah Binti Hussin yang begitu banyak berkorban. Tidak lupa juga kepada ahli-ahli keluarga yang lain yang sama-sama mendoakan kejayaan saya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada Bahagian Tabung Pinjaman Pendidikan Yayasan Pahang (TAPEN) atas pinjaman yang telah diberikan. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Atikullah Bin Abdullah selaku penyelia utama di atas segala bimbingan, komitmen, keprihatinan dan kesabaran yang beliau tunjukkan selama menyelia tesis ini. Penghargaan yang sama turut ditujukan kepada Dr. Mohamad Zaini Bin Abu Bakar selaku penyelia bersama yang sentiasa memberi dorongan, keyakinan dan motivasi dan doa sehingga tesis ini dapat disiapkan. Begitu banyak pengetahuan yang telah saya timba daripada mereka berdua sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Setinggi penghargaan juga kepada Dr. Mohd Nizam Bin Sahad dan Dr. Hasanah Binti Abd. Khafidz daripada Pusat pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang yang bertindak sebagai pemeriksa dalam. Begitu juga penghargaan disampaikan kepada Prof. Madya Dr. Abdul Karim Bin Ali dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya selaku pemeriksa luar. Terima kasih diucapkan kepada ketiga-tiga nama tersebut di atas segala teguran, saranan dan penambahbaikan terhadap tesis ini.

Penghargaan yang setinggi-tinggi juga diucapkan kepada staf-staf Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), khususnya Bahagian Pengajian Islam (BPI).

Terima kasih yang tidak terhingga tidak dilupakan juga buat para pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) khususnya kepada Profesor Muhammad Syukri Salleh yang telah banyak memberi tunjuk ajar terutamanya dalam penulisan dan juga penyediaan tempat bagi penyelidik-penyelidik bersekutu di bawah ISDEV. Demikian juga terima kasih kepada Dr. Zakaria Bin Bahari, Dr. Zahri Bin Hamat dan para pensyarah lain di bawah ISDEV. Terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Osman, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Dr. Nazri Muslim dari UKM, Dr. Zarina Mohammad dari UPM dan Encik Nasir Mat Ripin dari UTM atas segala bantuan yang diberikan. Ucapan terima kasih kepada sahabat-sahabat lain yang turut membantu dari segi moral dan material seperti Dr. Muhammad Tahir, Ismail Bin Ibrahim, Shukri Hanapi, Shahrudin Bin Mohd Ali Hanafiah, Rosdi Hameed, Muhammad Irhamuddin Bin Mansor, Salahuddin Sulaiman, Puan Shereeza Mohamed Saniff dan sahabat-sahabat lain yang tidak mungkin disebutkan nama mereka di sini. Hanya Allah ﷻ yang mampu memberi ganjaran sewajarnya kepada mereka.

Sekalung penghargaan juga kepada seluruh Staf Perpustakaan Hamzah sendut I dan II, Universiti Sains Malaysia, seluruh staf Perpustakaan Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Perpustakaan Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Perpustakaan Kolej Universiti Insaniah (KUIN) dan pihak-pihak yang turut menyumbang bahan-bahan rujukan baik secara langsung mahupun tidak secara langsung.

Kepada sesiapa sahaja yang menghulurkan bantuan dalam apa jua bentuk bagi melicinkan penyelidikan ini, maka tidaklah mampu saya membalas kesemuanya melainkan diserahkan segalanya menurut penilaian Allah ﷻ.

Akhirnya, saya amat mengharapkan kajian tesis ini dapat dimanfaatkan oleh pelbagai lapisan masyarakat sebagai sebahagian daripada sumbangan ilmu kepada masyarakat muslim dan bukan muslim. Saya mengakui walau sebaik mana pun tesis ini ditulis, ia tidak terhindar daripada perubahan dan kritikan sebagaimana yang pernah diucapkan oleh al-‘Imad al-Aṣḥāḥāniy (1125-1201 M), katanya:

إِنِّي رَأَيْتُ أَنَّهُ لَا يَكْتُبُ أَحَدٌ كِتَابًا فِي يَوْمِهِ إِلَّا قَالَ فِي غَدِهِ:  
 ”لَوْ غَيْرَ هَذَا لَكَانَ أَحْسَنَ، وَلَوْ زَيْدٌ هَذَا لَكَانَ يُسْتَحْسَنُ، وَلَوْ قُدِّمَ هَذَا لَكَانَ  
 أَفْضَلَ، وَلَوْ تُرِكَ هَذَا لَكَانَ أَجْمَلَ.“ وَهَذَا مِنْ أَعْظَمِ الْعِبَرِ، وَهُوَ دَلِيلٌ عَلَى اسْتِيْلَاءِ  
 النُّقْصِ عَلَى جُمْلَةِ الْبَشَرِ.

Oleh itu, kritikan yang bersifat konstruktif amatlah diharapkan demi kebaikan semua pihak. Segala kekurangan dalam tesis ini diharap dapat diperbaiki dari semasa ke semasa.

## JADUAL KANDUNGAN

	HAL
MUKA SURAT JUDUL	
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
SENARAI KEPENDEKAN	xvi
JADUAL TRANSLITERASI	xviii
ABSTRAK	xxi
ABSTRACT	xxiii

### BAB 1

#### PENDAHULUAN

1.0	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Skop dan Batasan Kajian	8
1.4	Sorotan Karya	11
1.5	Kepentingan Kajian	31
1.6	Objektif Kajian	32
1.7	Kaedah Penyelidikan	33
	i. Kajian Kepustakaan	34
	ii. Kajian Lapangan	35
	a. Kajian Rintis	35
	b. Responden Kajian	36
	c. Pensampelan dan Kaedah Pemilihan Sampel	36
	iii. Kaedah Pengumpulan Data Analisis Data	40
	a. Pakar (Responden Temu bual)	40
	b. Pelajar-pelajar bukan Islam (Responden soal selidik)	41
	iv. Organisasi Kajian	44

**BAB 2**  
**TASĀMUḤ DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH**  
**ISLAM: SATU ANALISIS TEORITIKAL**

2.0	Pendahuluan	46
2.1	Analisis Teoritikal Dalam Kajian Pengajian Islam	46
2.2	Definisi Operasional	51
	i. <i>Tasāmuḥ</i>	51
	ii. Undang-undang Jenayah Islam	57
2.3	Analisis Teoritikal <i>Tasāmuḥ</i> Secara Umum	57
	i. Ayat-ayat Tentang Kerangka <i>Tasāmuḥ</i> Umum Dalam al-Qur`an	59
	a. Surah al-Baqarah: 190	59
	b. Surah al-Baqarah: 256	60
	c. Surah Al ‘Imran: 64	65
	d. Surah al-Nisa’: 58	67
	e. Surah al-Ma’idah : 8	71
	f. Surah al-An’am: 108	73
	g. Surah al-Tawbah: 6	79
	h. Surah al-Tawbah: 60	81
	i. Surah Yunus : 99	86
	j. Surah al-Hajj: 39 – 40	88
	k. Surah al-Mumtahanah: 8-9	90
	ii. Hadith-hadith Tentang Kerangka <i>Tāsamuḥ</i> Umum	93
2.4	Analisis Teoritikal <i>Tāsamuḥ</i> Secara Khusus	97
	i. Kerangka <i>Tāsamuḥ</i> Undang-undang Jenayah Islam Secara Khusus Dalam al-Qur`an	97
	ii. Analisis Teoritikal <i>Tāsamuḥ</i> Secara Khusus Dalam al-Sunnah	102
	a. Mengenalpasti ruang-ruang yang boleh membebaskan tertuduh	103
	b. Taubat boleh membebaskan seorang pesalah	104
	c. Larangan mencaci peminum khamar	104

d.	Memastikan pengakuan dibuat dalam keadaan sedar dan waras	105
e.	Larangan agar tidak membuat tuduhan zina secara melulu	105
f.	Tiada desakan luaran	106
g.	Penyesalam sebelum ditangkap membebaskan pesalah daripada hak Allah (( <i>huqūqulLāh</i> )	107
h.	Nilai keihsanan dalam memerangi golongan pemberontak	108
2.5	Kerangka Teoritikal <i>Tasāmuḥ</i> Berdasarkan <i>Qa'idah Fiqhiyyat</i>	108
i.	Menghilangkan mudarat	109
ii.	Kesamaran dan keraguan menggugurkan <i>ḥadd</i>	111
iii.	Kesulitan menarik kemudahan	113
iv.	Darurat menghalalkan yang haram	113
v.	Seseorang bebas daripada tanggungan	114

### BAB TIGA NILAI-NILAI *TASĀMUḤ* DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM

3.0	Pendahuluan	117
3.1	<i>Ḥadd Riddat</i> (murtad) dan <i>Tasāmuḥ</i> nya	120
i.	Definisi	120
ii.	Kes-kes <i>Riddat</i> dan Dalil-Dalilnya	123
a.	Pada Zaman Rasulullah ﷺ	127
b.	Pada zaman Sahabat ؓ	127
iii.	Analisis <i>Tasāmuḥ</i> dalam Undang-Undang <i>Riddat</i>	129
a.	<i>Tasāmuḥ</i> dalam pensabitian <i>riddat</i> , <i>istitāb</i> dan hukumnya	129
b.	<i>Tasāmuḥ</i> dalam perbezaan pandangan status hukuman bagi orang yang murtad	135
3.2	<i>Ḥadd Syurb al-Khamr</i> dan <i>Tasāmuḥ</i> nya	142
i.	Pendahuluan	142
ii.	Definisi <i>al-Khamr</i>	143
iii.	Kes-kes <i>Syurb al-Khamr</i> dan dalil-dalilnya	147
a.	Kes <i>syurb al-khamr</i> pada zaman Rasulullah ﷺ	147
b.	Kes <i>syurb al-khamr</i> pada zaman Sahabat ؓ	148
iv.	Analisis <i>Tasāmuḥ</i> Kes <i>Syurb al-Khamr</i> Pada Zaman Rasulullah ﷺ dan Zaman Sahabat ؓ	149
a.	<i>Tasāmuḥ</i> dalam sejarah pengharaman khamar	149
b.	<i>Tasāmuḥ</i> dari segi <i>ḥadd syurb al-khamr</i>	156
c.	<i>Tasāmuḥ</i> dalam pembuktian kes <i>syurb al-khamr</i>	164
d.	<i>Tasāmuḥ</i> dalam kaedah pelaksanaan <i>ḥadd</i>	166



3.3	<i>Ḥadd al-Zinā</i> (persetubuhan haram) dan <i>Tasāmuḥnya</i>	168
i.	Definisi Zina	171
ii.	Kes-kes Zina Pada Zaman Rasulullah ﷺ dan Sahabat	176
	a. Kes Mā'iz Ibn Malik	178
	b. Kes 'Āsif dan isteri majikannya	179
	c. Kes Yahudi	180
	d. Kes Juhaynat	181
	e. Pelaksanaan rejam oleh 'Umar	181
	f. Pelaksanaan rejam oleh 'Ali terhadap Syarahat	182
iii.	Analisis <i>Tasāmuḥ</i> Dalam Kes Zina	182
	a. <i>Tasāmuḥ</i> pada peringkat pensabitan	182
	i. <i>Tasāmuḥ</i> dari segi persyaratan para saksi	184
	ii. Menarik <i>iqrār</i> dan galakan agar menutup <i>Fāhisyah</i>	198
	iii. Sunat bagi hakim menunjukkan kebencian kepada orang yang mengaku	201
	iv. Memastikan agar pengakuan tertuduh konsisten	203
	v. Tidak tergesa-gesa menjatuhkan hukuman	205
	vi. Ḥadd hanya ke atas penzina yang membuat pengakuan sahaja	209
	b. <i>Tasāmuḥ</i> Dalam Pelaksanaan <i>ḥadd</i>	211
	i. Larangan mencemuh pesalah yang dihukum	213
	ii. Mengutamakan faktor keinsanan	215
	c. <i>Tasāmuḥ</i> Undang-undang Jenayah Islam Terhadap Bukan Islam	216
	i. Golongan pertama	217
	ii. Golongan kedua	218
3.4	<i>Ḥadd Qadhaf</i> (tuduhan palsu berkaitan seks) dan <i>Tasāmuḥnya</i>	223
i.	Definisi	223
ii.	Landasan Hukum Jenayah <i>Qadhaf</i>	225
	a. Al-Nur ayat 4 dan 5 ( <i>Ḥādithah al-`ifk</i> ) dan Sebab Penurunannya	225
	i. Kisah Saiyidatina 'Ā'isyah Bint Abu Bakar al-Siddiq	225
	b. Al-Nur ayat 6-9 dan Sebab-Sebab Penurunannya	228
	i. Kisah Hilāl Ibn Umayyah	228
	ii. Kisah Sa'ad ibn 'Ubādah	230
	iii. Kisah 'Āṣim Ibn 'Ādi	231
iii.	Kisah Abu Bakrah disebut oleh 'Umar Ibn al-Khaṭṭāb	231
iv.	Analisis <i>Tasāmuḥ</i> Dalam <i>Ḥadd Qadhaf</i>	232
	a. <i>Tasāmuḥ</i> dari segi pembuktian yang ketat	234
	b. <i>Tasāmuḥ</i> dalam kaedah pembuktian suami isteri	237
	c. <i>Qādhif</i> berpeluang untuk bertaubat	244

3.5	<i>Ḥadd al-Sariqat</i> (Pencurian) dan <i>Tasāmuḥnya</i>	248
i.	Definisi <i>al-Sariqat</i>	250
ii.	Kes-Kes <i>Sariqat</i> Pada zaman Rasulullah ﷺ dan Zaman ‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb ؓ	251
	a. Kes Bani Makhzumiyah	251
	b. Kes-kes pencuri yang membuat pengakuan dan kes Safwan Ibn Umayyah	252
	c. Kes <i>sariqat</i> pada zaman ‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb ؓ	253
iii.	Amalan <i>Tasāmuḥ</i> Dalam <i>Ḥadd al-Sariqat</i>	254
	a. <i>Tasāmuḥ</i> dalam persoalan syafa’at	254
	b. <i>Tasāmuḥ</i> dalam persoalan <i>iqrār</i>	263
	c. <i>Tasāmuḥ</i> dalam persyaratan para saksi	266
	d. <i>Syubhah</i> membebaskan seseorang daripada <i>ḥadd</i>	270
3.6	<i>Ḥadd Ḥirābat</i> (Rompakan) dan <i>Tasāmuḥnya</i>	274
i.	Definisi	274
ii.	Syarat-Syarat <i>Ḥirābat</i>	281
iii.	Kes <i>Ḥirābat</i> Pada Zaman Rasulullah ﷺ	283
iv.	Analisis <i>Tasāmuḥ</i> Dalam Kes <i>Ḥirābat</i>	283
	a. <i>Muḥārib</i> berpeluang untuk bertaubat	283
	b. <i>Tasāmuḥ</i> dalam perluasan maksud <i>ḥirābat</i>	287
	c. Keadilan dari segi hukuman	289
3.7	<i>Ḥadd al-Baghy</i> (Pemberontakan) dan <i>Tasāmuḥnya</i>	293
i.	Definisi	293
ii.	Landasan Hukum Jenayah al-Baghy	294
iii.	Kes al-Baghy Pada Zaman Sahabat ؓ	296
iv.	Analisis <i>Tasāmuḥ</i> Dalam Kes <i>al-Baghy</i>	297
	a. Menghulurkan perdamaian kepada pemberontak	299
	b. <i>Tasāmuḥ</i> dalam memerangi pemberontak	301
	c. Nilai keinsanan, keihsanan dan ketegasan dalam memerangi pemberontak	304
3.8	Maksud Pembebasan	309

**BAB 4**  
**ANALISIS PERSEPSI PELAJAR-PELAJAR BUKAN ISLAM**  
**TERHADAP PENGETAHUAN DAN *TASĀMUḤ* UNDANG-**  
**UNDANG JENAYAH ISLAM**

4.0	Pendahuluan	314
4.1	Maklumat Latar Belakang Responden	315
4.2	Pengetahuan Responden Terhadap Undang-Undang Jenayah Islam	316
	i. Undang-undang Murtad	317
	ii. Undang-undang Minum Khamar	318
	iii. Undang-undang Qadhaf	319
	iv. Undang-undang Pencurian	320
	v. Undang-undang Zina	322
	vi. Undang-undang Rompakan	323
	vii. Undang-undang Terhadap Pemberontak	324
4.3	Persepsi Toleransi Dalam Undang-Undang Jenayah Islam	327
	i. Persepsi Toleransi Dalam Kes Zina	330
	ii. Persepsi Toleransi Dalam Kes Pencurian	331
	iii. Persepsi Toleransi Dalam Kes Murtad	333
	iv. Persepsi Toleransi Dalam Kes Minum Khamar	334
	v. Persepsi Toleransi Dalam Kes Rompakan	335
	vi. Persepsi Toleransi Dalam Kes Tuduhan Seks	336
	vii. Persepsi Toleransi Dalam Kes Pemberontak	338
	viii. Persepsi Toleransi Dalam Keterangan	339

**BAB 5**  
**PENUTUP**

5.0	Pendahuluan	350
5.1	Ringkasan Dapatan Kajian	350
	i. Prinsip-prinsip <i>tasāmuḥ</i> dalam al-Quran secara umum	351
	ii. Prinsip-prinsip <i>tasāmuḥ</i> secara umum dalam hadith	354
	iii. Dapatan unsur <i>tasāmuḥ</i> secara khusus dalam al-Qur`an	354
	iv. Dapatan praktik <i>tasāmuḥ</i> dalam hadith Nabi ﷺ secara khusus	355
	v. Dapatan tentang definisi operasional bagi <i>tasāmuḥ</i> dalam undang-undang jenayah Islam	356
	vi. Dapatan nilai-nilai <i>tasāmuḥ</i> dalam undang-undang jenayah Islam	356
	vii. Dapatan kajian berkaitan pengetahuan undang-undang Islam	369
	viii. Dapatan persepsi responden terhadap nilai-nilai <i>tasāmuḥ</i> dalam undang-undang jenayah Islam	370
5.2	Implikasi Kajian dan Cadangan Dasar	373
	i. Implikasi terhadap kepenting kajian <i>tasāmuḥ</i> dalam undang-undang jenayah Islam	374
	ii. Implikasi terhadap pentingnya transformasi dalam kaedah penyampaian	374

iii.	Implikasi terhadap pertubuhan Islam	375
iv.	Impikasi kajian pada peringkat negara	376
5.3	Cadangan Kajian Masa Hadapan	376
i.	Kajian <i>tasāmuḥ</i> dalam Qiṣās dan Ta'zir	377
ii.	Kajian salah satu hukuman hudud	377
iii.	Kajian perbandingan	377
	Bibliografi	378
	Lampiran-lampiran	395

## SENARAI JADUAL

NOMBOR	TAJUK	HALAMAN
1.2	Senarai ketiga-tiga sorotan karya	28
1.4	Kebolehpercayaan item soal selidik jenis skala likert	35
2.1	Perbandingan petunjuk al-Qur`an dan al-Hadith	50
4.1.	Maklumat latar belakang responden	315
4.2	Pengetahuan tentang undang-undang murtad	317
4.3	Pengetahuan tentang undang-undang minum khamar	318
4.4	Pengetahuan tentang undang-undang <i>qadhaf</i>	319
4.5	Pengetahuan tentang undang-undang pencurian	321
4.6	Pengetahuan tentang undang-undang zina	322
4.7	Pengetahuan tentang undang-undang perompak	323
4.8	Pengetahuan tentang undang-undang pemberontak	324
4.9	Rumusan pengetahuan responden terhadap undang-undang jenayah islam.	326
4.10	Jadual tafsiran skala min persepsi	328
4.11	Klasifikasi nilai-nilai min	329
4.12	Dapatan min, kekerapan dan peratusan item-item persepsi toleransi dalam kes zina	330
4.13	Dapatan min, kekerapan dan peratusan item-item persepsi toleransi dalam kes pencurian	332
4.14	Dapatan min, kekerapan dan peratusan item-item persepsi toleransi dalam kes tukar agama	333
4.15	Dapatan min, kekerapan dan peratusan item-item persepsi toleransi dalam kes minum arak	334
4.16	Dapatan min, kekerapan dan peratusan item-item persepsi toleransi dalam kes rompakan	335
4.17	Dapatan min, kekerapan dan peratusan item-item persepsi toleransi dalam kes tuduhan seks	337
4.18	Dapatan min, kekerapan dan peratusan item-item persepsi toleransi dalam kes pemberontakan	338

4.19	Dapatan min, kekerapan dan peratusan item-item persepsi toleransi dalam kes keterangan	339
4.20	Rumusan min, persepsi dan tahap	342

**SENARAI RAJAH**

<b>NOMBOR</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1	Taburan peratus penduduk mengikut agama tahun 2010	2
2.2	Kerangka kajian	116
3.3	Pemahaman fungsi $f$	280

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN-LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
LAMPIRAN A	Soal selidik	395
LAMPIRAN B	Persepsi keseluruhan toleransi dalam undang-undang jenayah Islam	401
LAMPIRAN C	Transkrip temu bual bersama responden pakar	407



## SENARAI KEPENDEKAN

ﷻ	-	Bererti Allah ﷻ berselawat dan Salam ke atasnya
ﷻ	-	Bererti Allah Subḥānahu wa Ta’ālā
ﷻ	-	Bererti Allah ﷻ meredainya
BIMB		Bank Islam Malaysia Berhad
cet.	-	Cetakan
DAP		<i>Democratic Action Party</i>
H	-	Hijrah
Ed.	-	Edition
H.R.	-	Ḥadīth Riwayat
hal.	-	Halaman
IFC		<i>Inter-Faith Commision</i>
IKIM		Institut Kefahaman Islam Malaysia
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IRC		<i>Inter-Religious Council</i>
jil.	-	Jilid
juz.	-	Juzuk
K.w.j.	-	KarramalLah wajah yang bererti Allah memuliakan wajahnya
MCA		<i>Malaysian Chinese Association</i>
MCCBCHS		<i>Malaysian Consultative Council Of Buddhism, Christianity, Hinduism dan Sikhism</i>
MPMUBKHS	-	Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh Malaysia

no.	-	Nombor
P	-	Page
PAS		Parti Islam semalaysia
Q.S.	-	<i>Al-Qur`ān</i> dan surah
SPI	-	Skim Perbankan Islam
SPSS		<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
t.p.		Tanpa penerbit
t.t.	-	Tanpa tahun
terj.	-	Terjemahan
UKM		Universiti Kebangsaan Malaysia
UM		Universiti Malaya
UPM		Universiti Putra Malaysia
USM		Universiti Sains Malaysia
UTM		Universiti Teknologi Mara

## JADUAL TRANSLITERASI

<u>Bacaan</u>	<u>Huruf Arab</u>	<u>Transliterasi</u>
`alif	ا	-
bā`	ب	b
tā`	ت	t
thā`	ث	th
Jim	ج	j
ḥā`	ح	ḥ
khā`	خ	kha
Dal	د	d
Dhal	ذ	dh
rā`	ر	r
Zay	ز	z
Sīn	س	s
Syīn	ش	sy
Ṣād	ص	ṣ
Ḍāḍ	ض	ḍ
ṭā`	ط	ṭ
ẓā`	ظ	ẓ
‘ayn	ع	‘
Ghayn	غ	gh
fā`	ف	f
Qāf	ق	q
Kāf	ك	k

Lām	ل	l
Mīm	م	m
Nūn	ن	n
Wāw	و	w
hā`	ه	h
Hamzah	ء	a/a`
yā`	ي	y
Ta`	ة	t

## VOKAL

Dalam sistem vokal Arab, ada vokal pendek, vokal panjang, dan diftong.

1. Pendek	2. Panjang	3. Diftong
اَ a	أَ ā	إِئَ ay
إِ i	إِ ī	أَوْ aw
أَ undang-undang jenayah	أُ ū	
Islam		

Berkaitan teknik penulisan nota kaki, maka kaedah yang digunakan adalah dengan meringkaskan judul buku atau kitab. Contoh: Judul lengkap: ‘Abd al-Karīm Zaydān, (1998). *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Mu`assasaṭ al-Risālaṭ, hal. 379 ditulis dengan: ‘Abd al-Karīm Zaydān, *al-Wajīz*, hal. 379. Contoh yang lain; Azmah Abdul Manaf, (2001). **Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia**, Kuala

Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd., cet. Pertama, hal. 152. Ia akan diringkaskan dengan: Azmah Abdul Manaf, **Sejarah Sosial**, hal. 152.

Bagi rujukan hadith pula, ia ditulis dengan dua kaedah. Pertama, membuat rujukan secara langsung kepada kitab hadith yang asal. Manakala kaedah kedua, merujuk kepada perisian hadith Maktabah al-Syamilah versi 3.2. Rujukan melalui perisian terbabit dilakukan memandangkan ia telah digunakan secara meluas oleh para pengkaji hadith. Di samping itu, nombor hadith dalam perisian tersebut turut digunakan oleh Lidwa Pustaka Indonesia yang merupakan pereka perisian hadith yang dikenali sebagai Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam versi 1.

Selain perkara-perkara yang disebutkan di atas, keseluruhan format transliterasi yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan format yang terdapat dalam buku Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tahun 1992.

**TASĀMUḤ DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM:  
SATU KAJIAN TERHADAP PERSEPSI PELAJAR-PELAJAR BUKAN  
ISLAM DI INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) DI  
MALAYSIA**

**ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan nilai-nilai *tasāmuḥ* dan persepsi pelajar-pelajar bukan Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terhadap undang-undang jenayah Islam. Signifikan kajian ini adalah kerana undang-undang jenayah Islam sering dilihat dari aspek hukumannya sahaja. Manakala aspek-aspek *tasāmuḥ*nya jarang diketengahkan. Hal ini sedikit sebanyak menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan bukan Islam terhadap undang-undang jenayah Islam. Justeru, kajian ini mengandungi tiga objektif utama. **Pertama, menjelaskan konsep *tasāmuḥ* secara umum. Kedua, membuktikan bahawa wujudnya nilai-nilai *tasāmuḥ* dalam undang-undang jenayah Islam. Ketiga menganalisis persepsi pelajar bukan Islam terhadap nilai-nilai *tasāmuḥ* undang-undang jenayah Islam.** Bagi mencapai ketiga-tiga objektif tersebut, dua kaedah pengumpulan data digunakan, iaitu data primer dan data sekunder. Data sekunder dilakukan untuk mendapatkan nilai-nilai *tasāmuḥ* dalam undang-undang jenayah Islam melalui kajian kepustakaan yang melibatkan hukuman ke atas kesalahan *riddat* (murtad), *syurb al-khamr* (minum khamar), zina, *qadhf* (melempar tuduhan palsu), *sariqat* (pencurian), *ḥirābat* (rompakan) dan *al-baghy* (pemberontakan). Data primer pula diperoleh melalui temu bual bersama pakar dan soal selidik ke atas responden. Dalam menentukan responden, kaedah persampelan bertujuan digunakan. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Dapatan kajian

menunjukkan bahawa persepsi pelajar-pelajar bukan Islam terhadap nilai-nilai *tasāmuḥ* dalam undang-undang jenayah Islam adalah positif.

**TASĀMUḤ IN ISLAMIC CRIMINAL LAW:****A STUDY ON THE PERCEPTION OF NON-MUSLIM STUDENTS IN THE PUBLIC INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING (IPTA) IN MALAYSIA****ABSTRACT**

This research discusses the values of *tasāmuḥ* and the perception of non-Muslim students in Public Institutions of Higher Learning (IPTA) on Islamic criminal law. This study is significant because Islamic criminal law is often seen from the aspect of punishment but its *tasāmuḥ* aspects are seldom highlighted. This has more or less resulted in a negative perception among the non-Muslims of Islamic criminal law. Thus this research contains three main objectives: First to explain the *tasāmuḥ* concept in general, second, to proof the existence of *tasāmuḥ* values in Islamic criminal law, and third to analyse the perception of non-Muslim students of these *tasāmuḥ* values in the Islamic criminal law. In order to achieve these three objectives, the research used two methods of data collection that is primary data and secondary data. The secondary data was obtained from library research on punishments on the crimes of *riddat* (apostasy), *syurb al-khamr* (drinking), *zina* (adultery), *qadhf* (false accusations), *sariqat* (theft), *ḥirābat* (robbery) dan *al-baghy* (rebellion). The primary data was obtained through interviewing experts and questionnaires to respondents. The purposive sampling technique was used in selecting respondents. The data collected was then analysed descriptively. The findings of the study show that non-Muslim students' perception of the *tasāmuḥ* value in Islamic criminal laws is positive.



## BAB SATU

### 1.0 Latar Belakang Kajian

Malaysia yang dahulunya dikenali dengan nama Tanah Melayu adalah sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan.<sup>1</sup> Walaupun demikian, hak setiap warganegaranya yang terdiri daripada pelbagai etnik dan agama, tetap terpelihara dan dijamin oleh Perlembagaan. Kemajmukan rakyat Malaysia mempunyai kaitan yang sangat erat dengan dasar pemerintahan Inggeris ketika itu. Para imigran ini telah dibawa masuk oleh Inggeris sejak akhir kurun ke-19 hingga ke awal kurun ke-20 sebagai pekerja di lombong bijih timah dan di sektor perladangan. Jumlah mereka juga semakin meningkat dari setahun ke setahun.<sup>2</sup>

Menerusi dasar kerakyatan yang digunakan oleh Persekutuan Tanah Melayu (PTM) bagi menggantikan prinsip Jus Soli,<sup>3</sup> maka kedua-dua imigran tersebut memperoleh kerakyatan. Semenjak itu, bermulalah secara rasminya penduduk Malaysia menjadi masyarakat majmuk.<sup>4</sup>

Banci tahun 2000 dan 2010 memperlihatkan etnik Melayu masih mendominasi komposisi penduduk negara ini. Oleh kerana kolerasi etnik dan agama begitu kuat,<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menyebutkan bahawa: "(Agama) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan."

<sup>2</sup> Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, hal. 10, Mardiana dan Hasnah, *Pengajian Malaysia*, hal. 153.


<sup>3</sup> Dasar kerakyatan yang diperkenal oleh *Malayan Union* berasaskan Jus Soli. Ia ditentang hebat oleh orang Melayu dan akhirnya diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu (PTM). PTM menerima dasar kerakyatan yang dibuat oleh *Malayan Union* dengan beberapa syarat tambahan. Lihat; Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hal. 168.

<sup>4</sup> Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, hal. 3.

<sup>5</sup> Sesiapa sahaja daripada kalangan bukan Melayu yang memeluk Islam akan dianggap sebagai masuk Melayu. Demikian tulisan Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya di dalam buku "*History of Malaya*" sebagaimana yang dipetik oleh Ahmad Ibrahim (1990:1) yang maksudnya: "Sumbangan terbesar Melaka kepada kebudayaan Melayu di istana ialah penyerapan nilai Islam. Sungguhpun telah

maka tidak hairanlah Islam masih menjadi agama majoriti di negara ini sebagaimana yang tertera pada Carta 1.1

**CARTA 1.1**



**Sumber:** Telah diubahsuai: <http://www.statistics.gov.my/>.<sup>6</sup>

Kesedaran keislaman dalam kalangan orang Melayu juga kian meningkat. Hal ini ditandai dengan perubahan sikap dan minat yang ditunjukkan dalam beberapa sektor seperti sistem perbankan Islam, pajak gadai Islam dan produk-produk halal. Fenomena ini mendorong mereka untuk menghayati ajaran Islam sepenuhnya hingga melibatkan aspek perundangan Islam. Hal ini termasuklah perundangan hudud yang merangkumi kesalahan atau jenayah *sariqat* (pencurian), *hirābat* (merompak), *zinā* (persetubuhan haram), *qadhif* (menuduh orang melakukan zina tanpa membawa empat orang saksi), *al-syurb* (meminum arak atau minuman yang memabukkan), *riddat* (keluar daripada agama Islam) dan *al-baghy* (pemberontakan).

---

dimajukan sebelum itu oleh Samudra-Pasai, agama baru Islam (di Tanah Melayu) itu telah begitu dihubungkan dengan masyarakat Melayu di Melaka hingggakan memasuki agama Islam dikata masuk Melayu". Kekukuhan dan kesebatian masyarakat Melayu berpegang kepada Islam sehinggakan disebutkan dalam Perlembagaan, Perkara 160 (2) bahawa antara ciri-ciri Melayu ialah beragama Islam. Lihat; Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, hal.152).

<sup>6</sup>[http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=1215&Itemid=89&lang=bm](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1215&Itemid=89&lang=bm). Akses pada 2 Disember 2012.

Namun, hasrat menerapkan undang-undang Islam secara menyeluruh masih belum terlaksana. Beberapa faktor telah didakwa sebagai halangan. Antara faktor yang disebut-sebut ialah wujudnya penentangan secara total daripada kalangan bukan Islam.

Penentangan juga turut disuarakan oleh pihak Kerajaan. Kerajaan menolak dengan alasan hasrat tersebut tidak relevan bagi sebuah negara yang dihuni oleh masyarakat majmuk. Tunku Abdul Rahman sendiri sebagai Perdana Menteri Malaya (1959) menolak kemungkinan pelaksanaan Undang-Undang Islam dengan alasan ia akan merosak perpaduan. Beliau berkata, “*our country has many races and unless we are prepared to drown every non-Malay, we can never think of an Islamic administration*”. Selain itu, beliau juga berpendapat bahawa kemungkinan berlaku pertumpahan darah jika dilaksanakan undang-undang Islam sepenuhnya di Malaysia.<sup>7</sup>

Walaupun demikian, berbanding dengan sistem perundangan Islam, penerimaan bukan Islam dalam sistem perbankan Islam agak berbeza. Sebagai contoh, Skim Perbankan Islam (SPI) yang ditawarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Pada peringkat awal penubuhannya, dilaporkan hanya antara dua atau tiga peratus sahaja pelanggan bukan Islam menggunakan perkhidmatannya.<sup>8</sup> Kini, ia bukan sahaja diterima sebagai salah satu sistem perbankan pilihan utama mereka, bahkan sebahagian besar penyimpan terdiri daripada golongan ini. Hal ini membuktikan bahawa sistem ini diterima oleh masyarakat bukan Islam.

---

<sup>7</sup> Mohamad Abu Bakar, *Islam, Etnisiti dan Integrasi Nasional*, hal 143.

<sup>8</sup> Mohd Kamal Omar, *Sistem Perbankan Islam (SPI) di Malaysia*, hal. 5.

Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Ahmad Tajuddin Abdul Rahman telah melaporkan bahawa 50% daripada pelanggan BIMB adalah terdiri daripada golongan bukan Islam. Kebanyakan mereka tertumpu dalam sektor kewangan dan perdagangan.<sup>9</sup>

Hal ini juga turut dijelaskan oleh Affifuddin Omar, Timbalan Menteri Kewangan (ketika itu) yang menyatakan bahawa daripada 14,000 pelanggan skim *al-Mudharabah* di sebuah bank terkemuka di negara ini, 12,000 adalah terdiri daripada kaum Cina. Selebihnya, iaitu 14.3% adalah pelanggan dari kalangan masyarakat Islam.<sup>10</sup>

Sikap masyarakat bukan Islam terhadap SPI (mua'malah) dan menolak sistem Jenayah Islam adalah suatu fenomena yang cukup menarik untuk dikaji. Pada satu pihak mereka menerima, manakala di sudut yang lain mereka menolak, padahal kedua-duanya berasal daripada satu sumber atau 'jenama' yang sama yakni Islam.

Dalam pada itu, tidak dapat dinafikan wujudnya pertembungan pemikiran antara muslim dan bukan Islam di media massa khususnya berkaitan dengan pengamalan dan cara hidup Islam. Perdebatan tentangnya sentiasa menghiasi media massa. Antaranya ialah isu laungan azan yang dianggap sebagai pencemaran bunyi . Hal ini dibangkitkan oleh Yang Pei Kang dalam 'Infoline' Majlis Peguam edisi Mei/Jun 2004 dalam perenggan ketiga rencana yang bertajuk; *Local Authorities Ought To Be Sensitive To Individual Rights* (Pihak Berkuasa Tempatan perlu sensitif terhadap hak

---

<sup>9</sup> *Utusan Malaysia*, 10 April 1998.

<sup>10</sup> <http://www.utusan.com.my/archives/>. Akses pada 20 September 2000.

individu).<sup>11</sup> Status agama dalam kad pengenalan,<sup>12</sup> isu pertukaran agama<sup>13</sup> dan isu memorandum sembilan menteri-menteri bukan Islam dalam kes Moorthy.<sup>14</sup>

Pro dan kontra ini menuntut kepada suatu kajian ilmiah. Justeru, penyelidik merasakan suatu kajian ilmiah perlu dijalankan untuk melihat persepsi masyarakat terhadap perundangan Islam khususnya yang berkaitan dengan undang-undang jenayah Islam.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Berbanding dengan reaksi pengamalan dalam aspek ibadah, mu'amalat dan munakahat, pengamalan dalam aspek perundangan jenyah Islam sentiasa mendapat bantahan, andaian dan tentangan khususnya daripada kalangan bukan Islam.<sup>15</sup> Tidak diketahui apakah asas kepada penolakan tersebut. Namun ada dua kemungkinan yang dapat dikenalpasti. Pertama, wujud persepsi bahawa undang-undang jenayah Islam akan terkena ke atas mereka sekiranya ia diimplimentasikan. Kedua, wujudnya

---

<sup>11</sup> <http://www.selangordaily.com/modules.php?name=News&file=article&sid=1476>. Akses pada 10 Ogos 2004. Artikel tersebut berbunyi: "True, dogs may be noisy at times but that is a different issue. As in the case of those developers building mosque in the vicinity of a bukan Islam community, while one recognises that any community's right to perform its religious obligation by way of using a loud speaker, to some, it is noise pollution created to the annoyance of those residing in the neighbourhood."

<sup>12</sup> Sebagaimana yang dituntut oleh IFC. Sila lihat halaman 21.

<sup>13</sup> Melibatkan kes Lina Joy yang telah berhasrat untuk menukar agama daripada Islam kepada agama Kristian. Namun kes ini ditolak dengan keputusan 2-1. Lihat dalam; Salah al-Sheikh, *Implementing Islamic Law Within a Modern Constitutional Framework Challenges And Problems In Contemporary In Malaysia*, hal. 450.

<sup>14</sup> Memorandum itu ditandatangani oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting, Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi Datuk Seri Lim Keng Yaik, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok. Menteri Pengangkutan Datuk Seri Chan Kong Choy; Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn; Menteri Kesihatan Datuk Dr. Chua Soi Lek; Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr. Maximus Ongkili dan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Peter Chin Fah Kui. <http://www.malaysia-today.net/blog/2006/01/perbuatan-9-menteri-bukan-islam-serah.htm>. Akses pada 11 Jun 07.

<sup>15</sup> Lihat juga ucapan salah seorang pemimpin parti GERAKAN yang mengatakan bahawa sekiranya PAS berkuasa maka masyarakat bukan Islam tidak dibenarkan lagi memelihara, memakan dan menjual babi. Ucapan Gerakan Central Executive Committee Member, Goh Cheng Teik berbunyi: "If PAS were to come into power, the Chinese may not be able to rear pigs, sell or eat pigs." Social Comment, *Islamic State*, *What Are We Afraid of?*, hal. 1.

gambaran atau persepsi umum yang dipaparkan selama ini bahawa undang-undang jenayah Islam sebagai kejam, *barbaric* dan tidak bertoleransi.

Untuk kemungkinan yang pertama boleh diamati daripada surat edaran daripada Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh Malaysia (MPMUBKHS) yang menyenaraikan kebimbangan mereka. Antaranya ialah berkaitan hak kesamaan bukan Islam dalam negara Islam. Hal ini menurut mereka adalah kerana apabila hukum Islam diimplimentasikan, maka bukan Islam tidak akan dilayan dengan adil. Selain itu, mereka juga tidak dibenarkan untuk menjadi saksi melawan orang Islam di dalam Mahkamah Syar'iyah. (*The inability of non-muslim Islam to testify against Muslims in Shari'a courts*)<sup>16</sup>

Kedua, gambaran-gambaran umum yang dipaparkan selama ini yang menggambar undang-undang Islam sebagai kejam dan sebagainya. Secara umumnya, kalangan bukan Islam tidak mampu untuk membezakan di antara tindakan orang Islam dengan intipati ajaran Islam. Oleh sebab itu, mereka menyamakan antara kedua-duanya. Hal ini boleh diamati daripada kata-kata mereka. Contohnya kata-kata yang diucapkan oleh MPMUBKHS seperti berikut:

*"If under the moderate domination of UMNO, we are already experiencing discriminations, what more, if Malaysia becomes an Islamic state?"*<sup>17</sup>

Gambaran yang sama turut dilontarkan oleh Gerakan Central Executive Committee Member, Goh Cheng Teik yang mengatakan bahawa sekiranya PAS berkuasa maka masyarakat bukan Islam tidak dibenarkan lagi memelihara, memakan dan menjual

---

<sup>16</sup> Hashim Kamali, *Islamic Law In Malaysia, Issues and Developments*, hal. 179. Lihat juga; K. Haridas, *Islamisation of State and Society*, hal. 100.

<sup>17</sup> Hashim Kamali, *Islamic Law In Malaysia, Issues and Developments*, hal. 188.

babi (“*If PAS were to come into power, the Chinese may not be able to rear pigs, sell or eat pigs*”).<sup>18</sup>

Besar kemungkinan kedua-dua pandangan di atas berpunca daripada dua faktor berikut, iaitu apakah kerana ia berasal daripada ajaran Islam atau adakah penolakan tersebut berpunca daripada kurangnya penonjolan dari aspek *tasāmuḥ* dalam undang-undang jenayah Islam?

Sekiranya penolakan itu berpunca daripada ajaran Islam itu sendiri, maka persoalannya adalah mengapa masyarakat bukan Islam dapat menerima SPI, padahal perundangan jenayah Islam atau Jenayah *Syar’iyyat* dan SPI lahir daripada sumber yang satu, iaitu Islam.

Memang tidak dapat dinafikan kurangnya hasil-hasil kajian ilmiah yang menonjolkan aspek-aspek *tasāmuḥ* dalam undang-undang jenayah Islam. Oleh kerana kekurangan bahan rujukan tersebut, maka persepsi negatif terhadap undang-undang Islam seperti undang-undang yang zalim, kejam dan menindas, tidak berperikemanusiaan, ketinggalan zaman dan sebagainya tidak dapat ditangkis dan dijawab dengan sebaiknya.

Sepintas lalu pandangan-pandangan tersebut disuarakan oleh tokoh-tokoh politik. Hal ini adalah disebabkan pandangan mereka sering dijadikan rujukan setiap kali melibatkan perbincangan tentang undang-undang Islam. Oleh itu, tidak hairanlah jika dikatakan pandangan tersebut hanya disuarakan oleh tokoh-tokoh politik dan badan-badan bukan kerajaan. Padahal sebenarnya ia turut disuarakan oleh masyarakat bukan Islam, cuma pandangan jarang diketengahkan.

---

<sup>18</sup> Social Comment, *Islamic State*, *What Are We Afraid of?*, hal. 1.

Bersandarkan kepada pandangan-pandangan berkaitan perundangan Islam oleh pelbagai pihak sebagaimana yang dinyatakan di atas, maka senario perbincangan tersebut juga perlu dilihat daripada persepsi<sup>19</sup> para pelajar bukan Islam di IPTA. Pandangan mereka dianggap penting kerana mereka merupakan bakal-bakal pemimpin bukan Islam pada masa hadapan.

Justeru, kajian tidak hanya memberi tumpuan kepada persepsi mereka terhadap aspek undang-undang Islam semata-mata, malahan kajian akan melibatkan persepsi mereka terhadap nilai-nilai *tasāmuḥ* yang terdapat di dalam undang-undang jenayah Islam.

Oleh yang demikian, satu penyelidikan secara mendalam dan bersistematik perlu dijalankan, iaitu dengan memberi tumpuan kepada penerokaan nilai-nilai *tasāmuḥ* dalam undang-undang jenayah Islam dan seterusnya menganalisis persepsi mereka terhadap nilai-nilai *tasāmuḥ* tersebut.

### 1.3 Skop Dan Batasan Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, skop dan batasan penyelidikan adalah seperti berikut:

- i. Batasan *tasāmuḥ* yang dimaksudkan ialah *tasāmuḥ* dalam undang-undang jenayah Islam yang terkandung dalam hudud sahaja. *Tasāmuḥ* memfokuskan kepada proses pembuktian dan juga aspek pelaksanaan hukuman. Dengan kata lain, tasamuh dalam hukuman *qiṣāṣ*, *ta'zīr* dan *diyyāt* tidak akan dibincangkan di dalam kajian tesis ini. Demikian juga elemen-elemen *tasāmuḥ* yang terkandung dalam bidang *muā'malah*, ibadah dan *munākahaḥ* tidak akan dibincangkan juga.

Justifikasinya adalah kerana aspek *tasāmuḥ* dalam undang-undang Islam jarang

---

<sup>19</sup>Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka mentakrifkan persepsi dengan: "Bayangan atau gambaran dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera) atau tanggapan. Lihat; Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, hal. 1025.



dibincangkan secara meluas. Perbincangan terdahulu kebanyakannya lebih tertumpu kepada aspek hukuman berbanding aspek *tasāmuḥ*nya.

- ii. Batasan undang-undang jenayah Islam yang dimaksudkan ialah '*uqūbat*' (hukuman) yang merangkumi '*uqūbat sariqat*' (pencurian), '*ḥirābat*' (merompak), '*zinā*' (persetubuhan haram). Dalam perbincangan zina, '*jarimah* liwat, lesbian dan melakukan hubungan seks dengan binatang tidak akan dibincangkan. Seterusnya '*uqūbat qadhf*' (melempar tuduhan seseorang melakukan zina), '*syurb*' (meminum arak atau minuman yang memabukkan), '*riddat*' (keluar daripada agama Islam), '*al-baghy*' (pemberontakan) dan proses-proses lain yang berkaitan dengannya. Perbincangan dalam kajian ini melibatkan kes-kes yang berlaku pada zaman Rasulullah ﷺ dan zaman Sahabat رضى الله عنهم yang diambil daripada setiap '*uqūbat*'. Pemilihan kes adalah mengutamakan kes yang diadili oleh Rasulullah ﷺ. Sekiranya tidak terdapat kes pada zaman Rasulullah ﷺ, maka kes akan diambil daripada zaman Sahabat رضى الله عنهم. Selain daripada kedua-dua zaman tersebut, kes-kes yang tidak dihubungkan secara langsung dengan amalan Rasulullah ﷺ dan Sahabat رضى الله عنهم, maka ijtihad fuqaha' semasa dalam topik berkaitan turut diambil kira. Seterusnya, dilakukan analisis ke atas kes tersebut untuk melihat nilai-nilai *tasāmuḥ* yang terkandung di dalamnya.
- iii. Batasan responden: Responden dalam kajian ini dibataskan hanya kepada para pelajar atau mahasiswa/mahasiswi bukan Islam sahaja. Persoalan yang mungkin timbul adalah kenapa pelajar-pelajar bukan Islam yang dipilih menjadi responden sedangkan perbincangan di dalam sorotan karya lebih menonjolkan persepsi tokoh-tokoh politik bukan Islam dan NGO bukan Islam. Justifikasinya adalah walaupun tohmahan dan kesalahfahaman terhadap undang-undang jenayah Islam ini jelas dilihat berlaku dalam kalangan ahli politik bukan Islam,

namun itu tidak bermakna permasalahan ini terbatas dalam kalangan ahli-ahli politik sahaja. Ia adalah masalah umum yang terjadi dalam kalangan masyarakat bukan Islam merangkumi tokoh-tokoh politik, NGO dan para pelajar bukan Islam.

Walaupun demikian, pandangan ini dilihat lebih ketara dalam kalangan ahli politik bukan Islam. Ia berpunca daripada sikap ahli-ahli politik bukan Islam yang lantang menyuarakan pandangan. Walau bagaimanapun, kesalahfahaman ini juga turut berlaku dalam kalangan bukan Islam yang tidak terlibat dengan parti-parti politik secara langsung seperti golongan pelajar bukan Islam di IPTA, masyarakat awam bukan Islam dan golongan-golongan bukan Islam yang lain.

Dengan itu, walaupun responden dalam kajian ini terdiri daripada kalangan pelajar bukan Islam, namun pandangan-pandangan pelajar ini dianggap mewakili pandangan umum masyarakat bukan Islam apatah lagi jika diambil kira bahawa para pelajar bukan Islam di IPTA inilah juga yang akan menjadi pemimpin politik dan mencorak pemikiran masyarakat pada masa hadapan.

Perbincangan tentang pemilihan responden seterusnya akan dibincangkan dalam bahagian kaedah penyelidikan.

- iv. Batasan Lokasi kajian. Lokasi kajian yang dimaksudkan adalah melibatkan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Oleh itu, Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tidak termasuk dalam kajian tesis ini. IPTA yang terlibat dalam kajian ini adalah Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Universiti Putra

Malaysia (UPM), Serdang. Kedua-duanya di negeri Selangor dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.

- v. Batasan Kitab: Kitab-kitab fiqh Islam yang digunakan dalam kajian ini ialah kitab fiqh empat mazhab iaitu: Mazhab Ḥanafiy, al-Syāfi'iy, Mālikiy dan Ḥanbaliy. Selain itu, pendapat-pendapat ulama'-ulama' kontemporari yang bersandarkan kepada dalil-dalil yang sahih turut diambil kira, meskipun pendapat tersebut tidak mewakili mana-mana golongan atau mazhab yang empat.

#### **1.4. Sorotan Karya**

Kepentingan penulisan sorotan karya memang tidak perlu dinafikan lagi. Sekurang-kurangnya ada dua alasan yang menyebabkannya menjadi begitu signifikan. Pertama, penulisan sorotan karya dapat menjelaskan bahawa suatu kajian itu sebenarnya telahpun dibahas sebelumnya. Kedua, melalui sorotan karya dapat diketahui jurang pengetahuan (*knowledge gap*) yang masih ada sehingga penyelidikan yang seterusnya dapat dilakukan.

Untuk lebih memudahkan, perbincangan dalam topik sorotan karya ini dapat dibahagikan kepada tiga kelompok. Pertama, menyorot kajian-kajian ilmiah berkaitan topik *tasāmuḥ*. Kedua, sorotan akan dibuat ke atas kajian-kajian *tasāmuḥ* dalam undang-undang jenayah Islam. Ketiga, kajian sorotan karya ke atas topik persepsi. Persepsi di sini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, kajian persepsi bukan Islam yang dilakukan oleh orang Islam terhadap isu-isu berkaitan Islam. Kedua, persepsi bukan Islam sendiri terhadap isu-isu Islam.

Sumber-sumber dalam bahasa Arab pula dilihat agak lengkap, tetapi ia sukar diakses oleh majoriti masyarakat awam antara lain adalah kerana faktor bahasa. Di samping itu, trend penulisan yang digunakan lebih bersifat setempat. Hal ini ditambah lagi dengan kurangnya aktiviti penterjemahan ke dalam bahasa Melayu.

Antara penulisan-penulisan yang telah ditemui oleh penyelidik adalah kitab berbahasa Arab karangan Ahmad Muhammad al-Ḥūfy yang berjudul *Samāḥat al-Islām*.<sup>20</sup> Kitab ini merupakan satu-satunya kitab yang membahas *tasāmuḥ* secara spesifik. Kitab ini mengandungi beberapa bab tentang *tasāmuḥ*. Antara bab-babnya adalah: *Samāḥat al-Islām fī Ṭalāq*, *Samāḥat al-Islām fī al-Ḥarbiy* dan *Samāḥat al-Islām fī Muā'malat Ghayr al-Muslimīn*. Perbincangan tentang aspek undang-undang jenayah Islam tidak diangkat sebagai suatu perbincangan khusus. Akan tetapi, bab yang dianggap lebih relevan adalah *Samāḥat al-Islām fī Muā'malat Ghayr al-muslimīn*. Berdasarkan pembacaan, didapati penekanannya lebih kepada persoalan dan amalan *tasāmuḥ* secara umum tanpa membahas secara khusus kepada undang-undang Islam.

Selain itu, dalam *Ḥuqūq al-Muwāṭanaṭ: Ḥuqūq Ghayr al-Muslim fī al-Mujtama' al-Islāmi* karangan Rāsyid al-Ghannūsyi<sup>21</sup> lebih menekankan kepada beberapa huraian ringkas khususnya tentang hak-hak bukan Islam serta kewajipan dan tanggung jawab mereka. Walaupun demikian, terdapat juga pembahasan yang secara tidak langsung membicarakan tentang *tasāmuḥ*. Misalnya, persoalan kebebasan beragama, hak memegang jawatan serta tanggung jawab pemerintah sekiranya mereka sudah tidak lagi berdaya untuk bekerja akibat tua atau sakit dan lain-lain lagi.

<sup>20</sup> Ahmad Muhammad al-Ḥūfy, (t.t). *Samāḥat al-Islām*, Kaherah: Maktabah Nahḍah.

<sup>21</sup> Rasyid al-Ghannūsy, (1994). *Ḥuqūq al-Muwāṭanaṭ: Ḥuqūq Ghayr al-Muslim fī al-Mujtama' al-Islāmiy*, Henrdon, Virginia, USA: The International Institute of Islamic Thought, cet. Kedua.

Sorotan juga dibuat ke atas buku karangan Khurshid Ahmad yang bertajuk *Fanaticism, Intolerance and Islam*<sup>22</sup> yang diterjemahkan oleh S. Sjah. Buku setebal 67 halaman ini ditulis bagi menjawab tohmahan yang menyatakan bahawa agama adalah penyebab kepada fanatisme dan sikap tidak bertoleransi. Buku ini hanya memaparkan sejarah sikap tidak bertoleransi pihak Barat. Manakala perbincangan tentang *tasāmuḥ* dalam undang-undang Islam tidak dibincangkan.

Sebagaimana kitab karangan Ahmad Muhammad al-Ḥufy yang menyentuh tentang *tasāmuḥ* secara agak mendalam, buku karangan Yūsuf al-Qaraḍāwiy juga boleh dikategorikan sebagai buku yang cukup bermanfaat bagi para pengkaji toleransi. Karya beliau yang bertajuk *Ghayr al-Muslim fī al-Mujtama' al-Islāmiyy*<sup>23</sup> telahpun diterjemah kepada Bahasa Melayu dan Inggeris. Kelebihan buku ini adalah pada pembahagian toleransi yang digarap oleh beliau. Walau bagaimanapun, keseluruhan buku ini tidak membincangkan *tasāmuḥ* secara khusus, tetapi ia lebih kepada perbincangan tentang kedudukan bukan Islam dalam masyarakat Islam.

Selain itu, sorotan seterusnya dilakukan ke atas sebuah prosiding seminar yang dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) berjudul *Islam and Tolerance*.<sup>24</sup> Prosiding ini diedit oleh Syed Othman al-Habshi dan Nik Mustapha Nik Hassan yang mengandungi kertas kerja Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Muhammad (ketika itu), Syed Othman al-Habshi, Faisal Othman, Chandra Muzaffar dan Khoo Kay Kim.

---

<sup>22</sup> Khurshid Ahmad, (1968), *Islam Lawan Fanatisme dan Intoleransi*, (Terj. S. Sjah), Djakarta: Tintamas.

<sup>23</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwiy, (1999). *Ghayr al-Muslim fī al-Mujtama' al-Islāmiyy*, (Terj: Arsil Ibrahim), Kuala Lumpur: ABIM, cet. Pertama.

<sup>24</sup> Nik Mustapha Hassan, Syed Othman Alhabshi, (1996). *Islam and Tolerance*, Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM)

Mahathir, dalam tulisannya menyentuh halangan utama yang menyebabkan sukarnya orang bukan Islam memahami ajaran Islam, iaitu umat Islam sendiri terpecah kepada dua golongan, *Sunniy* dan *Syi'iy* yang masing-masing mempunyai penafsiran mereka sendiri. Padahal Islam yang sebenarnya adalah sebuah agama yang penuh dengan *tasāmuḥ*. Beliau turut membawa beberapa contoh tentang kebaikan Islam.

Syed Othman al-Habshi dan Faisal Othman dalam kertas kerja mereka pula menjelaskan tentang kesyumulan Islam yang secara garis besarnya terbahagi kepada lima dimensi, iaitu Islam merupakan agama fitrah, agama yang mementingkan kesatuan, menerima kepelbagaian agama, penuh dengan kebaikan dan kebenaran dan mempunyai komitmen terhadap keadilan sejagat. Selain itu, mereka juga menyebut beberapa contoh sejarah mengenai sikap toleransi umat Islam.

Tulisan Chandra Muzaffar pula lebih banyak menyentuh tentang sejarah kemasukan orang Cina dan India ke Tanah Melayu, peranan parti-parti politik serta dasar perjuangan masing-masing. dan beberapa peristiwa politik. Beliau lebih banyak membawa contoh-contoh sejarah dengan membandingkan kebaikan dan toleransi Islam baik pada zaman awal Islam sampailah ke zaman kerajaan–kerajaan Islam Sepanyol dan India dengan kekejaman dan kezaliman bukan Islam seperti dalam sejarah perang Salib.

Begitu juga dengan kertas kerja Khoo Kay Kim. Beliau menceritakan sepintas lalu tentang keunikan masyarakat Malaysia yang dianggap sebagai sebuah ‘Asia Kecil’, pola masyarakat dan strata sosialnya. Walaupun terjadi beberapa kes pergeseran

antara kaum, namun secara umumnya toleransi di antara kaum memang wujud, baik dalam masyarakat desa, jabatan-jabatan kerajaan dan di sekolah-sekolah.

Kesimpulannya, oleh kerana tulisan-tulisan tersebut hanyalah berbentuk kertas kerja, terdapat banyak kekurangan terutamanya perbincangan tentang aspek toleransi menurut perspektif Islam.

Karya seterusnya adalah buku yang dikarang oleh Umar Hasyim yang menyorot tentang pentingnya penganut-penganut agama mempunyai sifat toleransi. Pembahasannya antara lain menyentuh tentang sikap tidak bertoleransi penganut agama-agama lain terhadap orang Islam. Hal ini disentuh oleh beliau dalam bukunya yang bertajuk *Toleransi Dan Kemerdekaan Beragama Dalam Islam Sebagai Dasar Menuju Dialog Dan Kerukunan Antar Agama: Sejarah Toleransi Dan Intoleransi Agama dan Kepercayaan Sejak Zaman Yunani*.<sup>25</sup>

Beliau menjelaskan bahawa perlunya negara Indonesia mengamalkan toleransi demi terwujudnya kerukunan antara agama. Hal ini katanya penting untuk mengelak gereja didirikan di tengah-tengah perkampungan umat Islam, sedangkan di tempat tersebut tidak ada pemeluk Kristian. Kes ini pernah terjadi di Meulaboh, Aceh Barat, Indonesia. Demikian juga dengan peristiwa di Makasar yang terjadi akibat penghinaan seorang pendeta Kristian Protestan kepada Nabi Muhammad ﷺ.

Kesimpulannya, buku ini sangat bermanfaat. Walau bagaimanapun, kekurangan buku ini adalah kerana fakta-fakta yang ditulis tidak disertai sumber rujukannya.

---

<sup>25</sup> Umar Hasyim, (1979). *Toleransi dan Kemerdekaan Beragama Dalam Islam Sebagai Dasar Menuju Dialog dan Kerukunan Antar Agama (Sejarah Toleransi dan Intoleransi Agama dan Kepercayaan Sejak Zaman Yunani*, Surabaya : P.T. Bina Ilmu.

Seterusnya buku *Toleransi Islam* yang disusun oleh M. Yunan Nasution.<sup>26</sup> Buku setebal 28 halaman ini tidak boleh digolongkan dalam kategori penulisan ilmiah. Buku ini hanya memaparkan prinsip-prinsip toleransi secara umum tanpa menjelaskan setiap faktor-faktor secara lebih spesifik. Pada akhir tulisannya, M. Yunan menyatakan bahawa pada dasarnya dalam ajaran Islam terkandung nilai-nilai toleransi terhadap pemeluk-pemeluk agama lain, selama mereka tidak merosak dan merugikan pihak Islam.

Buku ini dapat memberi manfaat sekiranya ia dihuraikan secara mendalam dan dikemaskinikan sumber-sumber rujukannya.

Kesimpulannya, berdasarkan sorotan-sorotan ke atas kelompok pertama didapati masih ada kelompangan yang belum diisi, iaitu *tasāmuḥ* yang dihurai dengan lengkap dan sistematik.

Bagi kelompok kedua, sepanjang pemerhatian penyelidik, kajian *tasāmuḥ* dalam aspek undang-undang jenayah Islam jarang ditemui. Kajian-kajian yang diperolehi kebanyakannya lebih cenderung ke arah penulisan-penulisan *genre* popular sahaja.

Antaranya kajian-kajian tentang salah tafsir segelintir masyarakat bukan Islam terhadap Islam. Hal ini dijelaskan oleh Huma Ahmad dalam artikelnya yang bertajuk *Top Ten Misconceptions About Islam*<sup>27</sup> iaitu: *Muslims are violent, terrorists and/or extremists, Islam oppresses women, Muslims worship a different God, Islam was spread by the sword and intolerant of other faiths, All Muslims are Arabs, The Nation of Islam is a Muslim group, All Muslim men marry four wives, Muslims are a*

---

<sup>26</sup> M. Yunan Nasution, (1971). *Toleransi Islam*, Jakarta: Penerbit Publicita, cet. Kedua.

<sup>27</sup> Ini terkandung dalam laman web yang bertajuk *Top Ten Misconceptions About Islam*. Sila layari: <http://www.jannah.org/articles/misc.html>. Akses pada 2-7-04.



*barbaric, backward people, Muhammad was the founder of Islam and Muslims worship him and Muslims don't believe in Jesus or any other prophets.*

Selain itu, buku *Social Comment* yang berjudul “*Islamic State*”, *What Are We Afraid of?*”,<sup>28</sup> terbitan Gerakbudaya Enterprise, Selangor, menghuraikan kebimbangan masyarakat bukan Islam terhadap idea penubuhan negara Islam oleh PAS. Selain membawa beberapa contoh tentang komen-komen bukan Islam, buku ini juga secara umumnya membincangkan kebaikan-kebaikan sebuah negara Islam. Walau bagaimanapun, pembahasannya kurang menyeluruh kerana ia tidak menyentuh secara terperinci berkaitan dengan undang-undang jenayah Islam.

Daripada sorotan ke atas karya-karya tersebut, jelas masih terdapat ruang lompang yang belum dibahaskan secara ilmiah, iaitu *tasāmuḥ* daripada aspek perundangan Islam.

Kelompok ketiga, iaitu sorotan karya yang ditinjau daripada dua persepsi. Pertama, kajian persepsi bukan Islam oleh orang Islam dan persepsi bukan Islam terhadap isu-isu keagamaan.

Bagi kelompok yang pertama boleh dilihat dalam kertas kerja yang telah diterbitkan dalam Jurnal Hadhari yang ditulis oleh Mohd. Ridhuan Tee Abdullah pada tahun 2009 bertajuk *Persepsi Orang Cina terhadap Islam Hadhari*.<sup>29</sup>

Untuk memperoleh maklumat tentang persepsi, Mohd. Ridhuan menggunakan dua kaedah. Pertama, persepsi dilihat berpandukan kepada bahan-bahan bercetak. Kedua,

---

<sup>28</sup> Social Comment, (1999). “*Islamic State*”, *What Are We Afraid of?*”, Selangor: Gerakbudaya Enterprise.

<sup>29</sup> Ridhuan Tee Abdullah, (2009). *Persepsi Orang Cina Terhadap Islam Hadhari*, Jurnal Hadhari Bil. I, Universiti Kebangsaan Malaysia (Institute of Islam Hadhari) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

persepsi dianalisis berasaskan satu set soal selidik yang diedarkan kepada masyarakat Cina.

Menurut beliau, kebanyakan orang Cina keliru dengan ajaran Islam kerana wujudnya pelbagai tafsiran tentang agama Islam. Kekeliruan ini membentuk sikap mereka terhadap isu-isu Islam yang lain tidak terkecuali persepsi mereka terhadap Islam Hadhari. Hal ini ditambah lagi dengan persepsi bahawa masuk Islam bererti masuk Melayu. Oleh sebab itu, peratusan orang Cina yang memeluk Islam tidak sampai 1% atau bersamaan dengan 0.4%.

Beliau juga merumuskan ada dua faktor yang menyumbang kepada kekeliruan tersebut. Pertama, adalah kerana faktor *nature* (semula jadi) dan kedua kerana faktor *nuture* (pembelajaran). Di samping itu, faktor lain yang mempengaruhi persepsi mereka adalah kerana proses sosialisasi politik.

Kesimpulannya, beliau merumuskan kajiannya berasaskan kepada teori sosialisasi-politik. Sementara kajiannya hanya terhad kepada persepsi penerimaan masyarakat Cina kepada 10 prinsip Islam Hadhari.

Sumber lain berkaitan persepsi masyarakat bukan Islam khususnya masyarakat bukan Islam berbangsa Tionghua adalah sebuah karya daripada Osman Chuah Abdullah (2005) yang bertajuk "*Preaching To The Non-Muslim Chinese in Malaysia.*"<sup>30</sup> Perbincangan dalam buku ini lebih menekankan tentang cara-cara berdakwah kepada masyarakat Cina di Malaysia. Pada bab kelima dalam bukunya, beliau menyenaraikan sebuah tinjauan bukan Islam Cina terhadap Islam. Kaedah soal

---

<sup>30</sup> Osman Chuah, (2002). *Preaching to the non-muslim Chinese in Malaysia*, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.

selidik digunakan ke atas beberapa responden berbangsa Cina. Hasil soalan selidik beliau antara lain memaparkan bahawa 82 responden menafikan Islam sebagai cara hidup. 90 responden pula menyatakan bahawa mereka tidak pernah didatangi oleh seorangpun orang Islam menerangkan Islam kepada mereka. 80 responden pula menyatakan bahawa Islam adalah agama yang ketinggalan zaman.

Mereka menyatakan juga bahawa budaya, adat resam dan sistem nilai mereka lebih tinggi daripada yang lain terutamanya Melayu. Oleh itu, jika ada masyarakat Cina yang memeluk Islam, dia akan menghadapi kemarahan daripada keluarga dan ahli keluarga. Ada juga yang akan memanggil mereka "Malai Chai" yang bermaksud anak Melayu atau *son of the pig*.

Selain literatur di atas, persepsi terhadap keseluruhan ajaran Islam turut disentuh dalam sebuah prosiding seminar anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) (1994) yang bertajuk *"Towards a Positive Islamic World View, Malaysian and American Perceptions."*<sup>31</sup>

Buku ini mengandungi artikel yang sedikit sebanyak menyentuh tentang persepsi masyarakat bukan Islam terhadap Islam. Antaranya artikel yang ditulis oleh Osman Bakar yang bertajuk *"Towards A Positive World View of Islam"*. Tulisan beliau lebih menjurus kepada perbincangan tentang salah faham Barat dan sebab-sebabnya secara umum tanpa membincangkan perundangan Islam secara lebih spesifik.

Walau bagaimanapun, beliau merumuskan bahawa Barat mempunyai masalah dengan Islam terutamanya tentang salah faham mereka terhadap Islam. Terdapat

---

<sup>31</sup> Abdul Monir Yaacob, Ahmad Faiz Abdul Rahman, (1994). *Towards a Positive Islamic World-view: Malaysian and American Perceptions*, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia

tujuh salah faham yang disenaraikan oleh beliau iaitu: *Muslims are mainly Arabs, and Islam is the exclusive religion of the "middle East"; Islam is obscurantist, primitive an uncivilized; Islam is a religion of fanaticism, fatalism, and polygamy; "Modernity" is the products of the West and the Islamic world cannot be truly modern until Islam is radically reformed; Islam is oppressive against women and minorities; Islam is incompatible with human rights, pluralism, and political tolerance; Islam is a religion which is militantly anti-Western, espouses violence, and is very much inclined to wars.*

Seterusnya, menurut Osman Bakar lagi,<sup>32</sup> salah faham ini dapat diatasi sekiranya mereka melihat dan mendapat gambaran sebenar tentang Islam. Hal ini boleh dilihat daripada pengalaman masyarakat Melayu-Indonesia yang hidup dalam masyarakat pelbagai kaum dan agama. Selain itu, tegasnya, cara yang paling baik untuk menghilangkan kekeliruan dan salah faham tersebut adalah dengan memberi penjelasan sebenar tentang Islam kepada mereka. Untuk tujuan tersebut, beliau merumuskan bahawa setiap pihak sama ada Islam dan bukan Islam mestilah bersama-sama berganding bahu untuk mewujudkan persefahaman antara penganut pelbagai agama.

Selanjutnya, buku yang ditulis oleh Mohammad Hashim Kamali yang berjudul "*Islamic Law in Malaysia, Issues And Developments*",<sup>33</sup> menyentuh kekhawatiran masyarakat bukan Islam terhadap Dasar Islamisasi kerajaan suatu ketika dahulu. Kekhawatiran tersebut sebagaimana yang dikutip oleh Hashim Kamali disuarakan oleh Setiausaha Agung Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan

---

<sup>32</sup> Osman Bakar, *Towards A Positive World View of Islam*, hal. 40.

<sup>33</sup> Hashim Kamali, (2000). *Islamic Law in Malaysia Issues and Developments*, Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers.

Sikh Malaysia (MPMUBKHS) di dalam surat pekeliling mereka yang mengandungi sepuluh tuntutan.

Daripada tuntutan-tuntutan tersebut boleh dikatakan bahawa mereka belum memahami ajaran Islam. Hal ini dapat dilihat daripada persepsi mereka tentang Islam. Antara persepsi tersebut adalah apa sahaja yang dilakukan oleh orang Islam itulah ajaran Islam. Mereka tidak dapat membezakan antara orang Islam dan ajaran Islam. Rumusan ini berdasarkan kenyataan mereka yang berbunyi: *"If under the moderate domination of UMNO, we are already experiencing discriminations, what more, if Malaysia becomes an Islamic state?"*

Mohammad Hashim Kamali juga menyentuh kajian persepsi bukan Islam terhadap Islam yang telah dilakukan oleh Husin Mutalib. Dalam temu bual Husin Mutalib dengan beberapa tokoh pemimpin awal tahun 90-an mendapati kebanyakan mereka tidak mempunyai pendirian positif terhadap Dasar Islamisasi dan Negara Islam (*Islamic State*).

Walaupun begitu, kajian yang dilakukan oleh Husin Mutalib hanya dikhususkan kepada persepsi bukan Islam terhadap Dasar Islamisasi dan Negara Islam sahaja. Kajian tersebut menunjukkan terdapat persepsi positif dan juga negatif. Hasil temu bual dengan bekas Timbalan Presiden MCA, Lee Kim Sai (ketika itu) pula dapat disimpulkan bahawa Lee Kim Sai mengakui bahawa pada dasarnya Islam tidak menjadi masalah kepada bukan Islam. Kata-kata beliau adalah seperti berikut:

*"In general, Islam is not a problem to non-muslim in Malaysia. For a long time we all have come to know its importance to the Malays. So, we respect the wishes of the Malays. However, Islam in the hands of extremists and fundamentalists must be controlled."*

Berkaitan dengan negara Islam, beliau mengulas:

*"We hope it will never happen. Our constitution, as our legal people tell us, will not allow it to happen. Ours is a democratic country and every religion has a place in it. This will change if we have an Islamic state."*

Kesimpulannya, buku Hashim Kamali amat bermanfaat kerana ia sedikit sebanyak mengandungi persepsi bukan Islam terhadap Islam. Walau bagaimanapun, perbincangan tersebut tidak dijalankan secara mendalam. Beliau hanya mengulas persepsi bukan Islam berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dilakukan sebelumnya.

Seterusnya, soal jawab di dalam akhbar *The SUNDAILY*<sup>34</sup> bersama Mohd Amar Bin Abdullah, Exco Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah Negeri Kelantan menjelaskan orang ramai tidak menerima hudud kerana mereka tidak memahami falsafah di sebalik undang-undang tersebut. Mereka juga membuat kesimpulan tentang hudud dengan melihat pelaksanaan undang-undang yang lemah di negara-negara lain seperti Pakistan, yang telah mencetuskan rasa takut. Menurutnya, sekiranya orang ramai benar-benar menghargai falsafahnya, pasti hudud akan diterima oleh orang ramai.

Jelasnya lagi, berdasarkan pemerhatian dan maklum balas akar umbi, majoriti rakyat Kelantan menerimanya termasuk bukan Islam. Walaupun demikian, beliau mengakui belum ada kajian secara rasmi tentang penerimaan masyarakat terhadap hudud.

Oleh itu, jelas membuktikan bahawa terdapat ruang kajian yang belum dilakukan khususnya berkaitan persepsi bukan Islam terhadap undang-undang Islam.

---

<sup>34</sup> <http://www.thesundaily.my/news/233978>. Akses pada 15 Jan 2012.

Untuk kategori kedua, iaitu persepsi bukan Islam sendiri terhadap isu-isu keagamaan boleh dilihat daripada tuntutan IFC (*Inter-Faith Commission*) yang dahulunya dikenali sebagai IRC (*Inter-Religious Council*). Tuntutan ini boleh dikatakan satu-satunya bukti bertulis yang mengandungi gesaan untuk menolak sistem hidup Islam. Penolakan tersebut tidak hanya dalam aspek ajaran Islam yang lain, tetapi juga dalam urusan undang-undang Islam. IFC digagaskan penubuhannya oleh *Malaysian Consultative Council Of Buddhism, Christianity, Hinduism dan Sikhism* (MCCBCHS) atau pun Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh melalui memorandumnya kepada Majlis Peguam bertarikh 21 Ogos 2001. 14 tuntutan<sup>35</sup> tersebut ialah:

1. Seseorang anak yang dilahirkan oleh ibu bapa Islam tidak seharusnya secara terus menjadi orang Islam.
2. Orang-orang bukan Islam yang telah memeluk agama Islam hendaklah diberikan kebebasan untuk kembali kepada agama asal mereka (murtad) dan tidak boleh dikenakan tindakan undang-undang.
3. Sebarang kes pertukaran agama orang Islam kepada bukan Islam tidak sepatutnya dikendalikan oleh mahkamah syariah tetapi dikendalikan oleh mahkamah sivil.
4. Tidak perlu dicatatkan di dalam kad pengenalan seseorang muslim bahawa ia beragama Islam.
5. Orang bukan Islam tidak perlu dikehendaki menganut Islam sekiranya ingin berkahwin dengan orang Islam. Orang Islam hendaklah dibenarkan keluar daripada Islam (murtad) sekiranya ingin berkahwin dengan orang bukan Islam tanpa boleh dikenakan apa-apa tindakan undang-undang.
6. Seseorang atau pasangan suami isteri yang menukar agamanya dengan memeluk Islam tidak patut diberikan hak jagaan anak.
7. Orang-orang yang bukan Islam yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan seorang yang memeluk Islam hendaklah diberikan hak menuntut harta pesakanya selepas kematiannya.

---

<sup>35</sup> <http://www.jais.net.my/isuagama/ifc.php>. Akses pada 12 Feb 2007.

8. Kerajaan hendaklah menyediakan dana yang mencukupi untuk membina dan menyelenggara rumah-rumah ibadat orang bukan Islam sebagaimana kerajaan menyediakan dana yang serupa untuk masjid. Kerajaan juga perlu membenarkan pembinaan rumah-rumah ibadat orang bukan Islam tanpa perlu adanya peraturan-peraturan tertentu.
9. Orang-orang bukan Islam hendaklah dibenarkan dan tidak boleh dihalang daripada menggunakan perkataan-perkataan suci Islam dalam percakapan dan sebagainya.
10. Bibel dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia sepatutnya dibenarkan untuk diedarkan kepada umum secara terbuka.
11. Pelajaran agama bukan Islam untuk penganut agama itu hendaklah diajar di semua sekolah.
12. Program-program berunsur Islam dalam bahasa ibunda sesuatu kaum hendaklah ditiadakan. Program dakwah agama lain selain Islam pula hendaklah dibenarkan untuk disiarkan dalam bahasa ibunda masing-masing.
13. Orang-orang Islam yang membayar zakat tidak sepatutnya dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan wang hasil zakat sepatutnya digunakan juga untuk keperluan orang-orang bukan Islam.
14. Sepatutnya Islam tidak disebut sebagai pilihan pertama masyarakat Malaysia seperti dalam soal pakaian menutup aurat kepada pelajar sekolah.

Selain itu, kenyataan daripada R. Thiagaraja, setiausaha Agung Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh Malaysia (MPMUBKHS) memberi gambaran bahawa undang-undang jenayah Islam tidak adil dan menekan bukan Islam. Katanya:

“Kami percaya bahawa kerajaan mestilah liberal, bersifat bertolak ansur dan menerima kewujudan komuniti berbagai kaum dan berbagai agama. Kerajaan tidak harus mengenakan undang-undang satu agama ke atas kaum lain. Ini ialah percubaan bahaya yang akan menghancurkan perpaduan rakyat”<sup>36</sup>

Pertikaian hal ehwal Islam seterusnya turut diperdebatkan dalam sidang Parlimen Penggal Pertama selepas Pilihan Raya 2003. Lim Kit Siang yang juga Ketua Pembangkang di Parlimen mempersoalkan rasional di sebalik penegasan Malaysia

---

<sup>36</sup> <http://www.malaysia.net/dapmnet/sg0147.htm>. Akses pada 12 Feb 2007.